Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25% pada bulan Januari 2019. Keputusan ini diambil memandangkan tahap akomodatif monetari adalah konsisten dengan pendirian dasar yang ditetapkan dan menyokong aktiviti ekonomi.**

OPR kekal akomodatif

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada bulan November 2018 dan Januari 2019, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.25%. Ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil dengan permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu pertumbuhan yang utama. Purata inflasi keseluruhan dijangka mencatatkan peningkatan yang sederhana pada tahun 2019.

MPC menilai bahawa risiko terhadap pertumbuhan global dan pertumbuhan dalam negeri cenderung untuk meningkat dan akan didominasi oleh beberapa cabaran. Antara cabaran tersebut termasuklah pertumbuhan yang lebih perlahan di negara ekonomi utama, ketegangan perdagangan yang meruncing, keadaan kewangan global yang semakin ketat berikutan ketidakpastian kadar dan masa pengembalian dasar monetari ke tahap yang wajar di AS, keadaan politik dan dasar yang semakin tidak menentu, serta kejutan yang berkaitan dengan komoditi. Pada masa hadapan, MPC akan terus memantau dan menilai cabaran-cabaran ini yang mungkin akan memberikan kesan terhadap pertumbuhan dalam negeri dan inflasi.

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan meskipun berdepan dengan volatiliti pasaran kewangan global. Keadaan monetari dan kewangan domestik kekal teratur dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Operasi monetari akan terus memastikan mudah tunai mencukupi untuk menyokong pasaran wang dan pasaran pertukaran asing serta aktiviti pengantaraan supaya berfungsi dengan teratur.

Sorotan dasar lain pada suku keempat 2018

Bank menerbitkan dokumen dasar penyumberan luar (*outsourcing*) pada bulan Disember 2018. Dasar ini bertujuan untuk memperkukuh perlindungan bagi memastikan risiko penyumberan luar tidak menjejaskan keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan serta kebolehan penyeliaan (*supervisability*) Bank. Khususnya, keperluan ini memberikan penekanan yang lebih tinggi terhadap tadbir urus dan pengurusan risiko institusi, usaha wajar penyedia perkhidmatan, perlindungan kerahsiaan data dan perancangan kesinambungan perniagaan. Dasar ini dilengkapi dengan keperluan mendapatkan kelulusan bagi pengaturan penyumberan luar yang signifikan. Piawaian ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, dengan pengaturan peralihan sehingga 1 Julai 2022. Langkah ini bagi membolehkan institusi kewangan memastikan pengaturan penyumberan luar yang sedia ada mematuhi keperluan baharu.

Berikutan permintaan pengguna yang semakin meningkat terhadap pembayaran segera dan juga dedahan debit bersih yang terus bertambah

dalam sistem pembayaran runcit masa nyata, keperluan penyeliaan terhadap pengurusan mudah tunai intrahari akan dimasukkan ke dalam draf dedahan Pengurusan Risiko Mudah Tunai, yang dirancang untuk diterbitkan pada tahun 2019.

Memandangkan serangan siber yang berkaitan dengan pembayaran menjadi semakin canggih dan rumit, institusi kewangan digalakkan untuk melaksanakan langkah kawalan yang berkesan dalam persekitaran *assumed breached*. Ini termasuk cara mengesan pembayaran di luar dasar (*out-of-policy*) atau pembayaran yang mencurigakan dan menyekat transaksi palsu yang sedang dilakukan (*fraudulent in-flight transaction*). Langkah sedemikian seharusnya melengkapkan pertahanan yang sedia ada untuk mengatasi serangan siber.